

Lelaki mengaku bersalah terlibat perjudian dalam talian

KUCHING: Seorang lelaki berusia 38 tahun dijatuhi hukuman denda RM1,000 atau sebulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah terlibat dengan aktiviti perjudian dalam talian di tempat awam.

Tertuduh membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali apabila didakwa mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah kedai makan di Jalan Matang di sini sekitar jam

3.30 petang pada 28 Ogos 2025.

Mengikut keterangan kes, polis ketika Ops Dadu menyerbu kedai makan berkenaan dan menahan tertuduh yang berada di dalam premis, susulan dia disyaki terlibat aktiviti perjudian dalam talian.

Semasa serbuan, polis merampas telefon bimbit, satu keratan kertas mengandungi ID dan kata laluan serta wang tunai RM50.

Pakar judi kemudiannya mengesahkan telefon bimbit tersebut mengandungi aplikasi perjudian dalam talian.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Seng sementara tertuduh tidak diwakili peguam.